



SIARAN MEDIA

JABATAN HAL EHWAL VETERAN, KEMENTERIAN PERTAHANAN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JHEV ATM, TINGKAT 20, MENARA TH PERDANA, JALAN SULTAN ISMAIL, 50250 KUALA LUMPUR

TEL : 03-2050800

FAKS : 03-26917564

Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) ATM telah mengeluarkan kenyataan berikut :

PROGRAM KHATAN PERDANA ANAK VETERAN ATM WILAYAH PERSEKUTUAN DAN SELANGOR

Kuala Lumpur, 26 Februari 2023 - Mej Jen Zambery Jefry bin Haji Darus, Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM telah merasmikan Program Khatan Perdana Anak-anak Veteran ATM anjuran bersama Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV ATM), Yayasan Veteran ATM (YVATM) dan Persatuan Veteran Angkatan Tentera Malaysia (PVATM) Wilayah Persekutuan dan Negeri Selangor. Program tersebut telah diadakan di Surau Ibnu Sina, Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan (HATTM) dengan penglibatan doktor perubatan dari Bahagian Perkhidmatan Kesihatan ATM (BPK). Tujuan pelaksanaan program ini adalah sebahagian daripada usaha pihak JHEV ATM untuk membantu anak-anak veteran menunaikan kewajipan yang telah ditetapkan di dalam Islam iaitu kewajipan untuk berkhatan. Ia juga turut membantu para veteran meringankan bebanan kos berkhatan serta suatu bentuk inisiatif bagi meningkatkan kerjasama di antara JHEV dengan Persatuan-Persatuan Veteran ATM disamping mengekalkan hubungan erat JHEV bersama Perkhidmatan Kesihatan ATM.

Terdahulu, Ketua Pengarah JHEV ATM di dalam ucapannya berhasrat untuk menjadikan program ini sebagai salah satu acara tahunan dan ianya akan dilaksanakan secara bergilir mengikut negeri bagi membolehkan para veteran di seluruh negara mendapat manfaatnya. Selain itu, beliau turut merakamkan penghargaan kepada YVATM kerana telah berbesar hati untuk membiayai kos perbelanjaan bagi penganjuran program ini. Untuk makluman, YVATM juga telah banyak menyalurkan bantuan samada berbentuk wang tunai mahupun bantuan-bantuan lain seperti bantuan kebajikan, bantuan pendidikan, bantuan perubatan, bantuan bencana alam dan sebagainya kepada veteran ATM dan ahli keluarga. Program ini juga telah menarik minat pihak Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) untuk menyumbang **RM50.00** dalam bentuk **Skim Simpanan**

Pendidikan Nasional (SSPN) Prime berserta **sebuah beg sekolah** kepada semua anak-anak veteran ATM yang terlibat dalam program pada hari ini.

Program yang dilaksanakan sempena cuti persekolahan ini berjaya mengumpulkan seramai 85 orang anak-anak veteran yang tinggal di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor. Acara semburan dan mandian kepada anak-anak menjadi simbolik sebelum bermulanya program.

Turut hadir dalam Program ini ialah Brigedier Jeneral Dato' (Dr) Hj Mohamed Hatta bin Hj Manis, Pegawai Memerintah Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan, Brigedier Jeneral Dato' Shamsuddin bin Abbas (Bersara), Yang Di Pertua Persatuan Veteran ATM Wilayah Persekutuan, Haji Mohd Din bin Hosnin, Yang Di Pertua Persatuan Veteran ATM Selangor, Leftenan Kolonel Tajul Ariffin bin Chu Johari (Bersara), Setiausaha Agung Persatuan Veteran ATM, Puan Mastura bin Mohd Khalid, Ketua Pegawai Operasi Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) serta ahli-ahli PVATM Wilayah Persekutuan dan Negeri Selangor.

**JABATAN HAL EHWAL VETERAN ATM
KEMENTERIAN PERTAHANAN
KUALA LUMPUR
26 FEBRUARI 2023**